



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
SEKOLAH KOMPUTERAN, UTMJB
SEMESTER I, SESI 2020/2021

PENULISAN AKHIR PROJEK

**UHS 1022 : FALSAFAH DAN ISU SEMASA
SEKSYEN 75**

TAJUK PILIHAN : PLURALISME AGAMA

NAMA :

- | | |
|--|-----------|
| 1. NUR KAMILIA BINTI MUHAMAD NAZERI | B20EC0039 |
| 2. NUR ARMENDA ANDRYANA BINTI MOHD NOR | B20EC0037 |
| 3. AHMAD FARUQ BIN AZLAN | A20EC0005 |
| 4. EUNICE LIM XIAN NI | A20EC0034 |
| 5. MUHAMMAD HAZIQ BIN AZLI | A20EC0240 |
| 6. TOCK THYE JEN | B20EC0053 |

TARIKH AKHIR : 28-JANUARI-2021

NAMA PENSYARAH : DR. MOHAMMAD NAQIB BIN HAMDAN

ISI KANDUNGAN

PENGENALAN.....	3
KONSEP PLURALISME AGAMA.....	4
DEFINISI PLURALISME AGAMA.....	4
SEJARAH PLURALISME AGAMA.....	5
PERBEZAAN / PERBANDINGAN:	7
ISU- ISU PLURALISME AGAMA DI MALAYSIA.....	9
IMPLIKASI DARI ISU PLURALISME AGAMA DI MALAYSIA.....	11
CABARAN PLURALISME AGAMA DI MALAYSIA	13
RUMUSAN.....	15
RUJUKAN.....	16

PENGENALAN

Pada zaman sekarang ini terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi. Antaranya ialah cabaran dalam bidang ekonomi, politik, sosial dan budaya. Akan tetapi terdapat satu lagi cabaran yang paling bahaya iaitu cabaran pemikiran ataupun dikenali sebagai ideologi. Sebab utama mengapa cabaran ini dikategorikan bahaya kerana kebanyakan persoalan yang ditimbulkan oleh bidang-bidang ekonomi, politik, sosial dan budaya ternyata bersumber dari pemikiran manusia. Pemikiran keagamaan adalah di antara cabaran pemikiran yang paling serius saat ini.

Fahaman liberalism, sekularisme, relativisme, pluralisme agama dan sebagainya merupakan cabaran yang sedang merasuk ke dalam wacana pemikiran keagamaan kita saat ini. Hal ini dapat melemahkan daya tahan umat dalam menghadapi gelombang globalisasi dengan segala macam bawaannya.

Fakta sosial yang harus dihadapi masyarakat moden sekarang adalah fenomena pluralisme agama. Manusia sekarang hidup berdampingan dengan pelbagai penganut agama yang berada dalam satu negara mahupun dalam satu wilayah dan tempat. Bagi masyarakat yang belum terbiasa dan belum memiliki pengalaman dalam menghadapi hidup secara berdampingan ini seperti negara barat, tentu akan menimbulkan masalah sehinggakan memaksa para ilmuwan untuk berfikir cara untuk mengatasi atau memberi pendekatan dalam memberi respon pada masalah tersebut.

Jadi kita akan membahas dengan lebih dalam lagi tentang cabaran ini dengan menfokuskan kepada konsep dan definisi sebenar apa itu pluralisme agama. Selain itu kita juga akan mengupas sejarah bagaimana boleh terhasil pluralisme agama itu sendiri. Kita juga akan mengkaji lagi tentang sejarah, isu-isu, implikasi, cabaran dan perbezaan yang telah dibangkitkan terhadap masyarakat. Mengingat kembali bahawa isu pluralisme agama jangan dianggap remeh kerana isu ini telah tersebar luas dan telah merasuk kedalam wacana keagamaan kita.

KONSEP PLURALISME AGAMA

Dari sudut etimologi, plurisme agama dipetik daripada dua kata, iaitu “pluralisme” dan “agama”. Istilah ini dapat diterjemahkan kepada Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris, “*al-ta’adudiyyah al-diniyyah*” dan “*Religious Pluralism*”. Menurut pada kamus inggeris, perkataan “plurisme” mempunyai tiga pengertian yang utama.

- Pertama:
 - Pengertian kegerejaan. Sebutan ini adalah bagi orang yang memegang lebih daripada satu jabatan dalam struktur gereja.
 - Memegang dua atau lebih jabatan secara serentak.
- Kedua:
 - Pengertian Filosofis. Ini merujuk kepada sistem pemikiran yang mengakui terdapat lebih daripada satu dasar landasan pemikiran.
- Ketiga
 - Pengertian Sosio Politik. Ini merujuk kepada suatu yang mengakui keberadaan kepelbagaian kelompok.
 - Bercorak ras, suku, aliran ataupun parti yang menjunjung tinggi pada perbezaan aspek yang bersifat karakteristik di dalam kelompok tersebut.

Manakala, “agama” dalam satu fahaman (*isme*), juga menimbulkan perdebatan serta polemik yang tidak berkesudahan tidak kira dari aspek ilmu filsafah agama, teologi, sosiologi, antropologi mahupun bidang perbandingan dalam agama sendiri. Hal ini telah menyebabkan sebahagian pemikir mendakwa bahawa agama yang boleh diterima serta disepakati oleh semua kalangan tidak dapat didefinisikan.

DEFINISI PLURALISME AGAMA

Pluralisme agama adalah satu konsep toleransi agama dalam apa jua bentuk serta pandangan tentang fahaman (*isme*) yang membahas tentang cara pandangan terhadap satu-satu agama. Ini hanyalah merupakan jalan yang berbeza untuk memperoleh satu titik kebenaran yang sama (*different way of the same truth*). Ahli-ahli ilmuan telah mengkaji dan membahas tentang “Pluralisme Agama”.

Pluralisme Agama yang menjadi dasar satu asumsi, mengatakan bahawa semua agama mempunyai jalan (*path*) yang serupa dan sah. Jadi menurut pada penganut kepada fahaman ini, meskipun agama yang dipilih atau diagungkan adalah berbeza, akan tetapi setiap agama ini menuju pada Tuhan yang sama. Oleh itu, adalah tidak ada satu “Dakwaan Kebenaran” (*claim of truth*) dari mana-mana agama yang menyatakan bahawasanya agama mereka adalah agama yang paling benar dan tidak boleh juga membuat dakwaan bahawa “Keselamatan Sebenar” (*true salvation*) dari seksa api neraka yang hanya diperoleh apabila memeluk agama tertentu sahaja. Fahaman ini telah berlaku di dalam setiap agama. Klaim tentang kebenaran mutlak dalam satu-satu agama diruntuhkan kerana kepelbagaian sebab dan alasan.

Sebagai contoh – fahaman dari agama Yahudi yang menganggap bahawa agamanya adalah benar dan mengatakan Islam adalah satu agama tiruan dari agamanya dan Kristian.

Demikian dari segi konsep dan definisi, jika “pluralisme” dirangkaikan dengan “agama”, maka dirumuskan bahawa plurisme agama adalah satu keadaan atau kondisi hidup dengan penganut dari kepelbagaian agama di dalam satu komuniti dengan mempertahankan ajaran agama masing-masing. Jika satu-satu agama berlandaskan dan mempunyai pemahaman sebegini, telah dapat dijelaskan bahawa plurisme agama tidak bermaksud menyamakan kesemua agama dari satu-satu bentuk sahaja, kecuali dengan mengakui terdapat perbezaan antara agama. Sebagai pengakhiran, plurisme agama timbul sebagai sebuah kekeliruan.

SEJARAH PLURALISME AGAMA

Fahaman pluralisme bukan sesuatu yang muncul di kalangan umat islam tetapi bermula daripada golongan teologi Kristian di barat. Mengikut sejarah islam, isu atau konteks pluralisme agama ini tidak pernah disebut pada mana-mana zaman termasuklah zaman Abasiyyah, Uthmaniyyah, zaman Nabi Muhammad ﷺ bahkan zaman sebelumnya lagi. Menurusi unsur karya yang diberi nama *An Interpretation of Religion: Human Responses to The Transcendent*, John Hick telah memperkenalkan konteks pluralisme ini secara lebih sistematik. Disokong pula dengan kebenaran sejarah tentang majoriti penduduk di Barat adalah penganut agama Kristian bahkan disebut pula dengan istilah Barat Kristian. Fahaman pluralisme ini bukan fahaman yang diwujudkan secara semberona atau atas dasar penjajahan. Wujudnya fahaman ini adalah daripada penelitian terhadap eksklusivisme dan inklusivisme.

Frasa “*Extra ecclesiam nullas salus*” yang bererti tiada keselamatan di luar gereja ini telah menjadi salah satu tunjang besar dalam mengukuhkan kedudukan Gereja Roman Katolik sewaktu zaman empayar Rom. Tidak cukup dengan itu, frasa yang bersifat eksklusivisme ini telah membantu mengekalkan status agama Kristian sebagai agama yang unik dan mutlak. Sejurus dengan itu, Katolik Kristian ditetapkan sebagai agama rasmi di empayar Rom menyebabkan apa sahaja penentangan yang berlaku terhadap Gereja Kristian Katolik dikira juga sebagai penentangan terhadap empayar Rom.

Pada kurun ke-16, bermulanya pelayaran mubaligh Katolik Kristian seiring dengan penyebaran tanah jajahan kuasa politik Barat ke dunia luar. Antara individu yang terlibat dalam pelayaran ini ialah Henry the Navigator, Christopher Columbus, Vasco Da Gama, Ferdinand Magellan dan termasuklah Francis Drake. Mereka ini berlayar bertujuan untuk meneroka laluan laut dalam masa yang sama untuk mencapai misi melaksanakan penyebaran agama Kristian ke serata tempat.

Dalam ekspidisi penyebaran agama Kristian dan penjajahan British, wujudnya hubungan di antara dua golongan tersebut dan teretusnya beberapa keputusan. Hasil daripada keputusan yang dibuat, para mubaligh Kristian berpendapat bahawa penyebaran agama Kristian dapat disebarkan dengan reputasi yang dimiliki oleh penjajah British. Tidak lupa juga untuk penjajah British, mereka merasa bahawa dengan penyebaran agama Kristian di seluruh tempat dapat memudahkan aktiviti penjajahan mereka.


Semasa aktiviti penyebaran agama Kristian berlaku, wujudnya masalah dan cabaran yang berlaku. Mereka ini mula terdedah dan berhubung dengan dunia luar yang berlainan agama dan tradisi. Beberapa persoalan mula diketengahkan apabila di dalam perbezaan agama mereka, terdapat beberapa persamaan antaranya dari sudut ketuhanan, akhlak dan nilai murni. Perkara ini telah mengheret fahaman eksklusivisme ke jurang pengakhiran dan bertukar kepada fahaman inklusivisme.

Perubahan fahaman yang berlaku bermula dari fahaman eksklusivisme ke inklusivisme ini sebenarnya telah membuka ruang yang besar untuk mewujudkan fahaman pluralisme. John Hick, merupakan susuk tubuh yang memainkan peranan penting dalam membicarakan fahaman pluralisme dengan lebih sistematik walaupun perkara yang dilakukan beliau adalah suatu yang bersifat radikal kerana akan memberi impak yang besar dalam fahaman Kristian. Beliau telah mencabar supaya fahaman tentang doktrin “keselamatan” dikaji semula. Hal ini disebabkan beliau beranggapan bahawa agama selain Kristian juga menjanjikan keselamatan keatas

penganutnya. Namun konteks pluralisme yang dibawa ini dimulai dan diakhiri dengan dilema. Dimulai dengan penentangan terhadap sesuatu konflik namun diakhiri tanpa sebarang jawapan yang terperinci. Sebaliknya, isu ini lebih kepada melahirkan masyarakat yang berfikiran terbuka.

PERBEZAAN / PERBANDINGAN:

1. Tuntutan cara berdakwah serta Kitab Suci yang berbeza.
2. Toleransi Islam terhadap kepelbagaian agama.



Pada bahagian ini, kita akan membicarakan tentang perbandingan atau perbezaan pluralisme agama yang bermaksud ‘kepelbagaian agama’ atau dalam Bahasa Inggerisnya disebut *religious plurality*. Dalam topik atau konteks ini akan membahas dan mengungkap tanggapan yang mungkin dapat memberi pencerahan yang lebih lanjut terhadap pluralisme agama.

Dalam konteks berdakwah, setiap agama mempunyai cara atau tuntutan tersendiri yang harus dipatuhi oleh para penganut. Tuntutan cara berdakwah serta Kitab Suci yang berbeza merupakan salah satu faktor perbandingan dalam menjelaskan atau menerangkan secara mendalam apa itu pluralisme agama.

Prinsip atau pegangan kepelbagaian agama dapat dibezakan melalui cara berdakwah setiap agama yang mempunyai hukum atau undang – undang tersendiri dalam berdakwah. Selain pegangan agama yang kukuh, setiap agama menyandang kepada tuntutan yang

ditetapkan melalui prinsip yang tertakhluk di dalam Kitab Suci mengikut agama yang mempunyai ajaran yang berbeza – beza. Kitab Suci merupakan panduan bagi setiap penganut agama.

Sebagai contoh, penganut Katolik yang mengikut ajaran Kristian berpandukan Jesus sebagai Tuhan dan tuntutan kitab suci mereka iaitu '*Holy Bible*' atau nama lainnya Alkitab. Seterusnya, umat Islam pula berpegang dengan 'syahadah' yang membawa maksud "Tiada Tuhan Melainkan Allah; Muhammad Itu Pesuruh Allah". Kitab Suci umat Islam adalah Al-Quran yang diutuskan oleh Allah swt kepada para Nabi untuk berdakwah dan membimbing umat-Nya.

Di samping itu, penganut agama Buddha di Malaysia kebanyakan penganutnya mengamalkan gabungan pelbagai kepercayaan iaitu Buddha, Konfusianisme dan Taoisme serta penyembahan nenek moyang. Bagi agama Hindu pula penganut agama ini berpegang kepada sumber panduan utama mereka iaitu Kitab Veda yang dibahagikan menjadi empat kitab utama iaitu Rig Veda, Yajur Veda, Sama Veda dan Atharva Veda. Sebahagian besar penganut agama Hindu mengadakan upacara amal yang berbeza. Mereka juga berdoa kepada pelbagai dewa, kerana mereka menganggap tuhan-tuhan ini adalah penjelmaan Roh Kudus yang agung dalam kepercayaan mereka.



Sebagai masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan bangsa, nilai – nilai murni harus diterapkan dalam kalangan individu dan komuniti akan membantu dalam mencapai kedamaian sesebuah negara. Di samping itu, kefahaman tentang kebebasan agama di Malaysia juga dapat dicapai iaitu nilai toleransi terhadap kepelbagaian agama.

Sikap toleransi terhadap kepelbagaian agama yang mewujudkan satu nilai keharmonian dalam suatu komuniti masyarakat yang berbilang bangsa yang menjurus ke arah keharmonian negara. Menghormati prinsip atau tuntutan agama – agama lain di Malaysia yang mungkin bercanggah dari ajaran Islam. Namun, kita haruslah tidak cenderung atau terjebak ke arah dimana merelatifkan yang mutlak.

Bagi menerangkan lebih lanjut tentang sikap toleransi terhadap pluralisme agama sebagai contoh, penganut agama Hindu menyembah berhala sebagai Tuhan dan itu adalah tuntutan agama mereka namun dalam ajaran Islam, menyembah berhala adalah dilarang dan hukumnya adalah dosa besar.

Selain itu, dalam ajaran Islam, mengadakan Hari Raya Korban adalah Sunnah dimana mereka harus menyembelih haiwan korban iaitu lembu atau kambing. Namun pada penganut agama Hindu, lembu adalah suatu simbol penghormatan yang suci dan dalam kitab agama Hindu iaitu ‘Kitab Rigveda’ menyebut tentang larangan menyembelih lembu.

ISU- ISU PLURALISME AGAMA DI MALAYSIA

1. Kes Dobi “Muslim Sahaja”

Mufti Perlis Datuk Mohd Asri Zainul Abidin mengatakan bahawa Islam itu agama yang hidup dengan persekitaran secara seimbang dan sepatutnya tidak berkelakuan ekstremisme. Beliau berkata sedemikian kerana terdapat satu kes yang berlaku di Muar, Johor, apabila seorang pengusaha sebuah kedai dobi yang menerima pelanggan beragama Islam sahaja. Pengusaha dobi ini enggan melayan pelanggan yang beragama lain bagi faktor kesucian. Menurut Datuk Mohd Asri, beliau berkata bahawa tindakan ini amat bercanggah dengan ajaran Islam. Pemikiran yang sempit ini memang akan menggugat kedamaian tanah air kita. (Buang, 2017)

2. Penubuhan Suruhanjaya Antara Agama (Inter Faith Commission-IFC)

Pada 21 Ogos 2001, satu memorandum telah dijalankan dengan Majlis Peguam. Memorandum ini adalah untuk mencadangkan perancangan penubuhan Suruhanjaya Antara Agama (IFC) oleh Malaysian Consultative Council on Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism (MCCBCHS) atau Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh. Seorang ahli Majlis Peguam Malaysia, Peguam Malik Imtiaz berpendapat bahawa pertubuhan ini harus ada di Malaysia kerana patut mempunyai sebuah badan rasmi bagi memudahkan perbincangan berkaitan agama-agama yang terdapat di tanah air kita. Tujuan penubuhan badan ini adalah untuk menggalakkan keamanan dan kesejahteraan agama-agama, menjaga hak inividu dari segi kebebasan berfikir dan beragama. (Mohamad et al., 2017)

3. Penubuhan Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain (UNIFOR)

Pada 26 Mei 2017, UNIFOR telah ditubuhkan di Jabatan Ketua Menteri di bawah portfolio Timbalan Ketua Menteri Sarawak YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas. Penubuhan UNIFOR merupakan cadangan bekas ketua menteri Sarawak Allahyarham Pehin Sri Adenan Satem UNIFOR berfungsi sebagai satu platform untuk mengawal keharmonian agama bukan Islam di Sarawak. Sesiapa yang ingin mendapat dana dan tanah bagi pembinaan gereja atau kuil-kuil baharu atau pembaikan, mereka harus memohon daripada UNIFOR. Jika diselami, penubuhan ini turut akan membuat pemantauan terhadap media cetakan agama serta penyebaran agama. Sebagai tamsilan, orang Kristian adalah dilarang untuk menyebarkan agama Kristian kepada orang Islam. Hal ini agar dapat memastikan keharmonian masyarakat serta tidak menyinggung perasaan orang agama lain. (Jabatan Ketua Menteri Sarawak, 2016)

4. Perkahwinan dan Penceraian

Menurut undang-undang, jika orang bukan muslim ingin menikahi seorang muslim harus menukar agamanya kepada Islam sebelum berkahwin. Selepas itu baru mereka diiktiraf sah sebagai suami dan isteri. Kes penceraian ini berlaku pada tahun 2006. Seorang mualaf bernama T. Saravanan telah berjumpa dengan Mahkamah Syariah supaya dapat membubarkan perkahwinannya dengan isterinya. Hal ini kerana isterinya, R. Subashini merupakan orang bukan muslim. R. Subashini telah diterapkan

ke Kuala Lumpur Mahkamah Tinggi untuk perintah terhadap suaminya mencari perceraian di Mahkamah Syariah. Permohonannya telah ditolakkan oleh Mahkamah Tinggi. Mahkamah Rayuan pun menegaskan kes ini, di mana Subashini turut diarahkan oleh mahkamah untuk membawa kes ke Mahkamah Syariah. Walaubagaimanapun, mereka masih menunggu kes mereka untuk diselesaikan di Mahkamah Persekutuan selepas satu tahun. Akhirnya, T. Saravanan berjaya menceraikan isterinya, R. Subashini di mahkamah Islam. (Wikipedia, 2020)

5. Jemaah Menteri Menganjurkan Rumah Terbuka

Bagi meriahkan suasana perayaan Hari Raya Aidilfitri pada tahun 2019, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad telah menganjurkan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri dengan Ahli Jemaah Menteri di Kompleks Seri Perdana. Kira-kira 50,000 pengunjung telah menghadirkan diri ke majlis ini bagi memeriahkan suasana. Pengunjung tidak kira agama Islam, Kristian, Buddha atau Sikh, mereka masing-masing datang memakai pakaian yang sesuai. Fenomena ini berjaya memanifestasikan tatatertib dan penghormatan antara masyarakat yang berlainan agama. Matlamat bagi penganjuran majlis ini telah dicapai. Hubungan antara masyarakat dan pemimpin berjaya diertatkan.

IMPLIKASI DARI ISU PLURALISME AGAMA DI MALAYSIA

1. Kes dobi “Muslim Sahaja”

Implikasi yang berlaku daripada situasi di atas adalah **implikasi provokasi perkauman**. Kesan daripada pemikiran ataupun sifat perkauman ini akan membawa negara kita ke arah ekstremisme dan hilang imbalan untuk hidup dalam masyarakat pelbagai agama dan budaya. Selain itu, hal ini akan menimbulkan kemarahan kaum-kaum lain kerana berpendapat sikap rasis pengurus kedai dobi.

2. Penubuhan Suruhanjaya Antara Agama (Inter Faith Commission-IFC)

Berdasarkan draf undang-undang penubuhan IFC, sekiranya suruhanjaya ini ditubuhkan, hal ini **amat berbahaya kepada Islam kerana Orang Islam bebas melakukan apa sahaja yang mereka inginkan**. Contohnya, orang Islam boleh

mengamalkan ajaran agama lain seperti (Kristian, Buddha dan Hindu) tetapi masih mengaku diri mereka sebagai seorang Muslim disebabkan kebebasan beragama. dan kebebasan agama ini dijamin oleh norma antarabangsa di atas.

Selain itu, **IFC berhak dan diberi kuasa menentukan status agama seseorang. Hal ini dikatakan demikian kerana**, sekiranya terdapat permohonan individu untuk murtad, permohonan ini akan ditentukan oleh ahli-ahli IFC yang berkemungkinan bukan orang Islam. Hal ini merupakan campur tangan orang bukan Islam dalam hal ehwal Agama Islam. Jabatan Pendaftaran Negara tiada hak untuk tolak permohonan individu untuk tukar nama daripada Islam kepada bukan Islam. Sekiranya permohonan ditolak, ia akan menjejaskan keharmonian dan kebebasan beragama. Perkara ini terkandung dalam seksyen 19(3) draf undang-undang IFC.

Kesimpulannya, **penubuhan IFC membukakan ruang untuk orang bukan Islam mencampuri hal ehwal agama Islam**. IFC merupakan sebuah **suruhanjaya anti Islam**. Campur tangan orang bukan Islam dalam hal ehwal agama Islam secara terbuka menyebabkan Hal ehwal agama Islam tergugat.

3. Penubuhan Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain (UNIFOR)

Penubuhan Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain (UNIFOR) di negeri Sarawak **Mewujudkan keharmonian di negeri Sarawak**. UNIFOR biasa membuat pemantauan terhadap media cetakan semua agama di Malaysia supaya tidak menyinggung kepercayaan agama lain serta memastikan keharmonian masyarakat. Selain itu, UNIFOR juga banyak menolong dengan bertindak sebagai titik tumpuan bagi pelbagai badan agama untuk berhubung serta berinteraksi dengan agensi kerajaan negeri atau persekutuan dalam menggalakkan keharmonian agama. Dengan penubuhan UNIFOR, keharmonian agama di negeri Sarawak sangat baik.

4. Perkahwinan dan Penceraian

Perkahwinan dan Penceraian **memberi kesan yang besar dalam isu perundangan di Malaysia yang melibatkan pasangan perkahwinan sivil yang memeluk agama Islam**. Hal ini dikatakan demikian kerana isu ini menyempitkan bidang kuasa

mahkamah syariah Individu yang memeluk agama Islam tidak wajib pergi ke mahkamah syariah untuk bubarkan perkahwinan.

5. Jemaah Menteri Menganjurkan Rumah Terbuka

Jemaah Menteri menganjurkan rumah terbuka memberikan implikasi yang sangat diperlukan orang warganegara malaysia adalah dapat **mengeratkan hubungan dan perpaduan sesama masyarakat**. Hal ini kerana dalam majlis rumah terbuka, semua orang dapat beramah mesra dengan tetamu yang lain tanpa mengira kaum. Perpaduan dan perfahaman antara tetamu rumah terbuka yang terdiri daripada pelbagai kaum ini dapat diperkukuhkan dan dieratkan. Selain itu, majlis terbuka ini juga memberi peluang kepada semua warganegara kerana dapat **memahami budaya dan adat resam kaum lain**, seterusnya dapat mempelajari budaya dan adat resam kaum lain dan berusaha untuk memahaminya.

CABARAN PLURALISME AGAMA DI MALAYSIA

Sebagaimana yang kita tahu, Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum dan berbilang agama. Kepelbagaian kaum dan agama telah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang unik. Keunikan ini telah menjadi asas kepada perpaduan rakyat Malaysia. Semua rakyat Malaysia bebas mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing seperti yang sudah termaktub dalam perlembagaan.

Walaupun bagaimanapun, tidak semua negara di dunia menerima perbezaan agama secara inklusif. Walaupun negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Jerman dan Perancis menerima perbezaan agama, namun terdapat segelintir masyarakat mereka yang tidak bertanggungjawab terus menerus meniupkan semangat perkauman di antara kaum dan penganut agama yang berbeza. Sebagai contoh, puak Ku Klux Klan yang dikenali sebagai kumpulan white supremacist beranggapan bahawa bangsa kulit putih adalah bangsa yang lebih hebat dan mempunyai hierarki lebih tinggi daripada bangsa-bangsa lain di dunia.

Mereka juga beranggapan bahawa mereka mempunyai beban yang perlu ditanggung oleh mereka yang dikenali sebagai white man's burden, iaitu menganggap bahawa hanya mereka sahaja yang mampu untuk mentamadunkan bangsa-bangsa lain di dunia. Disebabkan

itu, bangsa mererka melakukan penjajahan ke atas negara-negara lain di seluruh dunia. Walaupun penjajahan telah lama berakhir, terdapat sebahagian warga kulit putih terutamanya yang tinggal di Amerika Syarikat yang masih mempercayai perkara ini terutamanya kumpulan Neo Nazi.

Selain itu, peningkatan Islamophobia di negara-negara Barat sejak peristiwa 11 September 2001 menunjukkan bahawa mereka masih mempunyai persepsi buruk iaitu semua umat Islam adalah ekstremis. Iaitu pelampau agama. Walaupun masyarakat Islam mengecam tindakan yang berlaku semasa tragedi tersebut, persepsi mereka juga masih tidak berubah. Mereka tetap menggelar umat Islam sebagai pengganas. Walaupun begitu, tidak pula kita dengar perkataan pengganas digunakan oleh media Barat ketika tembakan rambang di sekolah berlaku. Di sana, sekiranya bangsa kulit putih yang melakukan tembakan rambang di mana-mana tempat, mereka digelar gunman, bukan pengganas. Sebagai contoh, tembakan rambang yang berlaku di masjid di Christchurch New Zealand yang membunuh 51 orang oleh pelakunya Brenton Tarrant digelar gunman dan bukan terrorist oleh media Barat walaupun pelakunya melakukan keganasan.

Selain itu, terdapat juga gerakan pelampau agama Hindu yang memusnahkan masjid yang telah berdiri sejak abad ke-16 di India. Masjid Babri telah dibina ketika India masih diperintah oleh kerajaan Mughal yang beragama Islam. Maharaja Mughal pada ketika itu telah membina pelbagai mercu tanda semasa pemerintahan mereka termasuklah Taj Mahal, yang menjadi makam kepada isteri Shah Jahan, iaitu seorang maharaja Mughal. Semasa peristiwa tersebut, pelampau tersebut yang datang dari luar kawasan tersebut telah memanjat di atas kubah dan makam masjid tersebut. Mereka membawa tukul dan lembing tiga serampang. Selepas itu, mereka mula memusnahkan masjid tersebut. Tidak cukup dengan itu, mereka juga telah membakar rumah penganut agama Islam yang tinggal berdekatan dengan masjid tersebut. Disebabkan peristiwa tersebut, ribuan umat Islam telah mati. Pelampau Hindu percaya bahawa masjid tersebut dibina di atas tempat tuhan mereka iaitu Tuhan Ram dilahirkan. Pembinaan masjid di situ juga dianggap sebagai penghinaan terhadap tempat kelahiran tuhan mereka.

Akhir sekali, walaupun negara lain juga menerima perbezaan fahaman dan kepercayaan, masih terdapat sikap prejudis di antara suatu agama dengan agama lain. Sikap sebegini akan memusnahkan keharmonian dan boleh membawa kepada kebencian terhadap sesuatu bangsa dan agama. Oleh itu, rakyat Malaysia perlu bersikap terbuka dalam menerima perbezaan agama untuk mengekalkan keharmonian yang telah dikecapi selama ini.

RUMUSAN

Kesimpulannya, **pluralisme agama** merupakan antara produk tafsiran rasional dan kontekstual puak liberal Islam terhadap isu akidah dalam Islam. Menurut dakwaan aliran ini, tafsiran semula terhadap beberapa aspek Islam termasuk aspek politik, demokrasi, isu kebebasan berfikir dan golongan minoriti serta isu akidah merupakan aspek yang sangat penting bagi mewujudkan suasana keamanan dan keselamatan pelbagai penganut agama di Malaysia bagi mengelakkan fenomena fundamentalisme dan terorisme tercetus atas nama agama.

Pluralisme agama juga memberi pendapat atau idea bahawa semua agama adalah benar dan baik. Kepelbagaian agama adalah seperti kepelbagaian jalan yang kesemuanya dapat mengiring manusia kepada satu puncak kebenaran yang sama iaitu Tuhan. Semua penganut agama seperti Islam, Kristian, Yahudi, Buddha, Hindu dan lain-lain adalah orang yang beriman. Dakwaan bahawa agama Islam, Kristian, Yahudi dan Hindu agama yang benar ialah salah dan bertentangan dengan idea Pluralisme agama.

Selain itu, seseorang boleh menukar agama dari Buddha kepada Hindu ataupun sebaliknya, tindakan ini tidak dilabelkan sebagai murtad. Penganut pelbagai agama boleh berkahwin lain agama seperti orang Islam boleh berkahwin dengan orang bukan Islam dan sebagainya.

Akhirnya, kebebasan beragama megikut haluan Jaringan Islam Libral (Siti Musdah Mulia 2007:228-230) dengan meliputi, **kebebasan** memilih dan menganut agama, tidak beragama bertukar agama, menyebarkan agama, melaksanakan agama, melakukan ibadat, berkahwin berbeza agama dan kebebasan lain-lain.

RUJUKAN

- (PDF) Gerakan Pluralisme Agama Di Alam Melayu. (n.d.). Retrieved January 7, 2021, from https://www.researchgate.net/publication/342946951_Gerakan_Pluralisme_Agama_Di_Alam_Melayu
- Ahmad, A., Published by Habib Ahmad Lihat semua kiriman oleh Habib Ahmad, Ahmad, P., Ahmad, H., Lihat semua kiriman oleh Habib Ahmad, Berkata:, S., & Berkata:, D. (2011, May 06). Wasiat para Wali dan Shalihin 2. Retrieved January 07, 2021, from <https://pondokhabib.wordpress.com/2011/05/07/wasiat-para-wali-dan-shalihin-2/>
- Ahmad, D. (2014, November 09). Pluralisme agama: Mencari Pencerahan? Retrieved January 07, 2021, from <https://www.malaysiakini.com/news/279951>
- Annuar, S. (2019, June 03). PM, jemaah menteri anjur rumah terbuka. Retrieved January 07, 2021, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/06/570879/pm-jemaah-menteri-anjur-rumah-terbuka>
- Annuar, S. (2019, June 03). PM, jemaah menteri anjur rumah terbuka. Retrieved January 07, 2021, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/06/570879/pm-jemaah-menteri-anjur-rumah-terbuka>
- BAHAYA PLURALISME AGAMA - Darulkautsar.net. (n.d.). Retrieved January 7, 2021, from <https://www.darulkautsar.net/wp-content/uploads/2018/10/ZMS-MARWAN-BAHAYA-PLURALISMA-DALAM-ISLAM.pdf>
- Buang, S. (2017, September 25). Mufti: Dobi 'Muslim sahaja' amalan sempit. Retrieved January 07, 2021, from <https://www.malaysiakini.com/news/396208>
- Hussain, H. (2020, August 10). Fahaman pluralisme bertapak di Malaysia. Retrieved January 07, 2021, from <https://www.sinarharian.com.my/article/95923/BERITA/Nasional/Fahaman-pluralisme-bertapak-di-Malaysia>
- IMPLIKASI PINDAAN AKTA 164 TERHADAP PERKAHWINAN DAN HARTA ... (n.d.). Retrieved January 7, 2021, from <http://www.ukm.my/jcil/wp-content/uploads/2020/06/JCIL-2020-51-Article-2.pdf>
- ISU PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH OLEH ORANG BUKAN ... - fp.utm.my. (n.d.). Retrieved January 7, 2021, from <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/pdf/fail/ptkghdfwP/NORFARZAHAP070092TTP.pdf>
- Kamsin, M. (2020, January 15). Bahaya provokasi perkauman ibarat bom jangka. Retrieved January 07, 2021, from <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/01/646879/bahaya-provokasi-perkauman-ibarat-bom-jangka>
- Malaysiakini. (n.d.). Retrieved January 07, 2021, from <https://www.malaysiakini.com/>

- Menon, P. (2020, August 26). New Zealand mosque shooter given life in prison for 'wicked' crimes. Retrieved January 07, 2021, from <https://www.reuters.com/article/us-newzealand-shooting-idUSKBN25M2QF>
- Nama. (n.d.). Unit Hal Ehwal Bukan Islam Sarawak: Kumpulan Sivil, Pembangkang Sambut Baik. Retrieved January 07, 2021, from <https://www.benarnews.org/malay/berita/my-sarawak-170523-05232017163935.html>
- Rahman, N., Khambali@Hambali, K., Shapiee, N., & Kahar, N. (n.d.). Pendefinisian Pluralisme Agama dalam Konteks Malaysia. Retrieved January 07, 2021, from <http://ejournal.ukm.my/islamiyyat/article/view/36937>
- Sharma, E. (2019, November 28). The Babri Masjid-Ram Mandir Verdict: A Case of Inconsistent Secularism. Retrieved January 07, 2021, from <https://www.statecraft.co.in/article/the-babri-masjid-ram-mandir-verdict-a-case-of-inconsistent-secularism>
- Sidek, N. (2019, September 24). Mengapa Orang Hindu Menyanjung Tinggi Lembu? Retrieved January 07, 2021, from <https://iluminasi.com/bm/mengapa-orang-hindu-menyanjung-tinggi-lembu.html>
- Unknown. (1970, January 01). Politik, Fahaman Politik dan Parti Politik Di Malaysia. Retrieved January 07, 2021, from <https://josephstalin1945.blogspot.com/2014/08/pluralisme-agama-maksud-pluralisme.html>
- Christchurch shooting: Gunman Tarrant wanted to kill 'as many as possible'. <https://www.google.com/amp/s/www.bbc.com/news/amp/world-asia-53861456>.
- Freyer, L. (2019, April 25). *Nearly 27 Years After Hindu Mob Destroyed A Mosque, The Scars In India Remain Deep*. NPR. <https://www.npr.org/2019/04/25/711412924/nearly-27-years-after-hindu-mob-destroyed-a-mosque-the-scars-in-india-remain-dee>.